

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 SEPTEMBER 2016

HASRAT DR M BEKERJASAMA DENGAN ANWAR

Masa depan Muhyiddin bergantung kepada Anwar

BH- 11/9/2016

➔ Presiden PPBM jadi boneka parti baharu Dr Mahathir

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Pertemuan Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim di mahkamah baru-baru ini menjadi bukti Pengerusi Parti Pribumi Bersatu

Malaysia (PPBM) itu dalam keadaan terdesak.

Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffudin Tengku Ahmad, berkata pertemuan itu juga mendedahkan bahawa Tan Sri Muhyiddin Yassin akan berfungsi sebagai orang kedua ke-

pada Anwar dalam pakatan Dr Mahathir bersama pembangkang.

"Tetapi saya tidak boleh menyalahkan Dr Mahathir dengan tindakan terdesaknya itu. Beliau tidak mempunyai pilihan selepas kredibiliti presiden parti baharu itu musnah sertamerta berikutan keputusan statutori



Keratan akhbar
BH, Selasa lalu.



Muhyiddin bukan saja orang 'nombor dua' dalam parti Dr Mahathir, malah presiden boneka yang perlu patuh kepada arahan aneh"

Tengku Sariffudin Tengku Ahmad,
Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri

mahkamah terhadap Nika Gee (Siew Yee).

"Ia membuktikan Muhyiddin selama bertahun-tahun menjalin hubungan terlarang dengan isteri orang. Ini menjadikan Muhyiddin sebagai presiden 'itik tempang' sekelip mata, tidak layak melindungi anak Dr Mahathir, Datuk Seri Mukhriz Mahathir," katanya dalam kenyataan, malam tadi.

Dr Mahathir bertemu Anwar di Kompleks Mahkamah Jalan Duta pada Isnin lalu ketika Penasihat PKR itu memohon mahkamah menolak penguatkuasaan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Ikut kehendak Mahathir

Tengku Sariffudin berkata, Muhyiddin bukan saja orang 'nombor dua' dalam parti Dr Mahathir, malah presiden boneka yang perlu patuh kepada arahan aneh.

"Akan tetapi kemuncak kepada penghinaan ini ialah masa depan Muhyiddin kini bergantung kepada Anwar, yang mana beliau akan berkata ya atau tidak kepada setiap kehendak Dr Mahathir. Bermakna, Muhyiddin terpaksa tunduk kepada Anwar," katanya.

Beliau berkata, tindakan Muhyiddin yang tidak setia kepada parti yang beliau sertai sebelum ini dan kerajaan kini sudah berbalas.